

06/02/1998

Keris Motion mahu 200 jam diteruskan

Zainuri Misfar

KERIS Motion, konsortium 19 syarikat penerbitan filem dan video Bumiputera, berharap RTM tidak menarik atau mengurangkan peruntukan rancangan 200 jam setahun kepada mereka.

Pengerusi Eksekutifnya, Mohamed Jusoh, berkata sehingga ini RTM belum secara rasmi memaklumkan untuk bertindak mengurangkan peruntukan itu sebagai langkah berjimat cermat.

"Kami akur dengan keadaan ekonomi ketika ini, tetapi saya harap peruntukan 200 jam kepada Keris Motion tidak dikurangkan atau ditarik balik.

"Kalau diikutkan, banyak manalah yang diperolehi oleh 19 ahli kami daripada jumlah yang diperuntukkan itu," katanya kepada Pusparia.

Begitupun, Mohamed berkata pihaknya akur dalam situasi sekarang ini memang ada sedikit kesukaran kepada syarikat penerbitan drama untuk memasarkan produk mereka.

"Ini berpunca daripada sumber kewangan kurang.

"Pembeli membeli kurang daripada biasa menyebabkan keupayaan semakin mengecil. Sebab itu banyak syarikat penerbitan mengalami tekanan," jelasnya.

Katanya, keperitan ketara ditanggung oleh syarikat penerbit kecil yang kedudukannya belum kukuh selain bergantung sepenuhnya kepada stesen televisyen tempatan.

"Bagi syarikat penerbitan yang mempunyai kontrak jangka panjang dengan mana-mana stesen televisyen, mereka tidak akan menghadapi masalah.

"Begitu juga dengan syarikat yang agak besar dan mempunyai sumber kewangan kukuh, serta kedudukan syarikat teguh mungkin boleh bertahan selagi mampu.

"Apa yang dibimbangkan ialah syarikat penerbitan kecil yang akan menjadi mangsa langkah stesen televisyen kita," katanya.

Dalam pada itu, Mohamed berkata, Keris Motion menyambut baik saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya semua pihak yang terbabit dalam penerbitan drama serta filem tempatan bergabung dan pada masa yang sama meningkatkan eksport produk masing-masing untuk dijual di stesen televisyen luar negara.

Menurutnya, konsortium itu mempunyai lima atau enam syarikat penerbitan yang mempunyai kemudahan produksi mencukupi untuk digunakan oleh ahli yang memerlukan.

"Sesetengah ahli mempunyai kemudahan produksi yang baik. Memang kerjasama itu adalah salah satu daripada objektif kami.

"Ahli boleh gunakan kemudahan itu dengan kadar kos yang berpatutan.

"Bagaimanapun, untuk bergabung ketika menghasilkan sesuatu produksi bergantung kepada kehendak produser itu sendiri," jelasnya lagi.

Dia juga menasihatkan produser supaya mengambil langkah berhemat ketika membuat sesuatu penerbitan.

"Kita masih harungi keperitan.

"Tiada apa yang boleh dibuat selain menggunakan apa yang ada," katanya.

Mengenai rancangan akan datang, Mohamed menjelaskan Keris Motion memang ada cadangan memasarkan produk keluarannya ke luar negara jika keadaan benar-benar mengizinkan.

Bagaimanapun, katanya, produk itu bukan semestinya drama, tetapi kemungkinan besar rancangan berbentuk dokumentari mengenai pelbagai bentuk kehidupan di negara ini.

"Bagi menghasilkan rancangan seperti itu (dokumentari) memerlukan masa kerana kita perlu kajian dan penyelidikan mencari fakta yang tepat.

"Malah, untuk menembusi pasaran yang sebegitu luas, kita memerlukan tapak yang cukup kuat seperti wang, sokongan teknikal, produktiviti dan yang lebih utama ialah kreativiti bagi menghasilkan sesuatu dokumentari bermutu tinggi.

"Ini penting supaya produk yang kita hasilkan bermutu tinggi dan diterima dunia.

"Untuk dipasarkan ke luar juga, kita kena buat dalam pelbagai bahasa," katanya.

(END)